

Presiden MCA Tidak Tanding Dalam PRU-13
Bernama
11 April, 2013

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek Khamis mengesahkan tidak akan bertanding dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) pada 5 Mei ini.

Pendirian Dr Chua itu telah mencipta sejarah parti itu apabila menjadi presiden MCA sepenuh masa yang pertama tidak bertanding dalam pilihan raya umum.

Bagaimanapun, dalam kenyataan di sini, katanya beliau akan mengetuai kempen pilihan raya parti itu.

Dr Chua berkata keputusan untuk tidak bertanding adalah sejajar dengan proses peremajaan parti bagi memastikan ia kekal relevan dalam abad baru.

Proses mencergaskan semula parti itu merupakan satu langkah dalam mempersiapkan pemimpin baharu, katanya, sambil menambah: "Bagi semua perjuangan ini dan artikulasi yang saya telah bercakap, ia akan menjadi kepentingan diri yang amat sangat sekiranya saya mengisytiharkan diri sebagai calon."

"Saya ingin membuktikan satu perkara bahawa saya berjuang untuk satu usaha iaitu MCA kekal relevan dan akan terus menerajui parti itu tanpa bertanding jawatan," katanya.

Bekas Anggota Parlimen Labis itu berkata beliau ingin meneruskan peranan untuk berkempen sepenuh masa untuk calon MCA dalam PRU-13.

Dalam pada itu, selepas mempengerusikan mesyuarat khas Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu di Wisma MCA di sini, Dr Chua memberitahu pemberita bahawa parti itu akan menampilkan hampir 50 peratus muka baharu dan yakin barisan mantap itu mampu memberi saingan pada PRU-13.

Mengenai keputusannya untuk tidak bertanding, katanya beliau telah memaklumkan hasratnya itu kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Najib Tun Razak seawal tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941292>